

FAKTOR LUARAN YANG MENJADI PEMANGKIN KEPADA PEMBENTUKAN DAN PEMUPUKAN JATI DIRI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA

Nur Shaqirah Md Yunan

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
E-mail: GS64566@student.upm.edu.my

Mohd Mahadee Ismail

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
E-mail: mahadee@upm.edu.my

ABSTRAK

Jati diri kesukarelawanan sangat penting khususnya kepada golongan belia kerana mereka adalah pewaris dan peneraju negara pada masa hadapan. Pembentukan jati diri kesukarelawanan yang kukuh boleh menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan sebuah bangsa dan negara. Selain faktor dalaman, faktor luaran juga perlu diteliti kerana ia juga mendorong kepada pembentukan jati diri kesukarelawanan yang holistik. Berdasarkan kepada tinjauan literatur, semangat kesukarelawanan, keterlibatan dalam sesuatu perkara yang berkaitan dengan kemasyarakatan, tradisi berkongsi serta amalan bantu-membantu semakin luntur dan masih lagi rapuh. Justeru itu, kajian ini memberi fokus utama terhadap faktor luaran yang menjadi pemangkin kepada pembentukan dan pemupukan jati diri kesukarelawanan belia Malaysia. Kajian ini dijalankan secara kualitatif melalui teknik temu bual mendalam ke atas sepuluh aktivis organisasi kesukarelawanan dari setiap zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Tengah, Zon Timur dan Zon Malaysia Timur. Data temubual dianalisis secara analisis tematik untuk mencapai objektif kajian. Dapatkan menunjukkan bahawa, terdapat empat faktor yang menjadi pemangkin kepada pembentukan dan pemupukan jati diri kesukarelawanan belia Malaysia, iaitu persekitaran, pegangan agama, keperluan mendapat pengiktirafan dan ganjaran serta pemahaman. Keempat-empat faktor luaran tersebut bukan sahaja menjadi teras bagi pembentukan dan pemupukan jati diri kesukarelawanan belia, tetapi menjadi asas yang kukuh dalam memperkasa peranan dan sumbangan belia dalam masyarakat. Selain itu, faktor-faktor ini juga berfungsi sebagai motivasi utama yang mendorong belia untuk terus aktif dan komited dalam aktiviti kesukarelawanan. Dengan memahami dan mengoptimumkan faktor-faktor ini, program-program kesukarelawanan dapat dirancang dengan lebih berkesan dan menyeluruh, seterusnya meningkatkan lagi penglibatan belia dalam usaha-usaha kesukarelawanan yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya. Dari itu, hasil kajian ini boleh digunakan oleh pihak kerajaan dan pertubuhan kesukarelawanan untuk mewujudkan program-program yang boleh meningkatkan lagi semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia di Malaysia.

Kata kunci: Jati Diri Kesukarelawan, Belia, Pembinaan Bangsa, Kesukarelawanan & Faktor Luaran

1. Pengenalan

Kesukarelawanan merujuk kepada tindakan sukarela yang dilakukan oleh individu atau perkumpulan individu untuk memberi sumbangan kepada masyarakat tanpa mengharapkan sebarang ganjaran material ataupun budi. Kesukarelawanan memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara, kerana ia melibatkan penyertaan aktif setiap warga dalam pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosio-budaya, ekonomi, politik mahupun alam sekitar. Dalam konteks Malaysia, kesukarelawanan telah lama wujud dan menjadi sebahagian daripada budaya kolektif masyarakat. Aktiviti kesukarelawanan di Malaysia meliputi pelbagai bidang seperti kebajikan sosial, pendidikan, kesihatan, alam sekitar, bantuan kemanusiaan dan pelbagai lagi. Contoh aktiviti kesukarelawanan termasuklah membantu golongan kurang bernasib baik, menganjurkan program pendidikan untuk anak-anak yatim, membersihkan kawasan awam atau menyediakan bantuan kecemasan semasa bencana alam. Satu ciri penting kesukarelawanan adalah semangat memberi tanpa mengharapkan balasan. Para sukarelawan sering kali dipacu oleh nilai-nilai kemanusiaan, kepedulian terhadap sesama insan dan hasrat untuk memberikan sumbangan bermakna

kepada masyarakat. Melalui kesukarelawanan, individu dapat mengembangkan kemahiran interpersonal, meningkatkan rasa empati dan membina jaringan sosial yang lebih luas.

Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, sumbangan dan komitmen tinggi golongan belia terhadap negara dalam aktiviti kesukarelawanan amat diperlukan bagi membantu pembangunan negara dalam pelbagai aspek kehidupan. Semangat kesukarelawanan mempunyai potensi yang besar untuk membawa masyarakat Malaysia yang berbilang etnik ke arah kesejahteraan hidup bersama. Belia mempunyai peranan serta kepentingannya tersendiri dalam usaha untuk membangunkan masyarakat dan negara. Belia sebagai pemimpin masa kini dan masa hadapan mesti bergerak dalam kematangan, keupayaan dan motivasi yang lebih positif serta efektif dalam komitmen yang lebih kukuh (Aziz Deraman, 1984). Kekuatan keperibadian unggul akan terbina dengan penglibatan aktif belia dalam pelbagai aktiviti sosial dan kesukarelawanan. Malah Wilson (2000) turut berpendapat bahawa semangat kesukarelawanan adalah antara nilai teras yang perlu ada dan harus disemai dalam kalangan generasi muda kerana golongan inilah yang akan menentukan kemajuan atau kemunduran sesebuah negara. Namun, di era dunia yang dilingkari dengan kemodenan dan teknologi tinggi, usaha untuk mewujudkan jati diri kesukarelawanan belia pada hari ini semakin mencabar kerana pelbagai bentuk perubahan besar telah berlaku ke atas masyarakat dan negara.

Pelbagai perubahan tersebut bukan sahaja merubah nilai masyarakat ke arah lebih bersifat individualistik dan materialistik (Oesterle et al., 2004; Jardim & da Silva, 2018) tetapi telah menyebabkan masyarakat tidak lagi mengendahkan keadaan sekeliling (Wasitah, 2013) dan telah melunturkan tradisi kesukarelawanan (Saifuddin, 2001). Semangat kesukarelawanan, keterlibatan dalam sesuatu perkara, tradisi berkongsi dan amalan membantu semakin luntur apabila masyarakat bersikap individualistik (Clary & Snyder, 1999). Hal ini terbukti di mana Indeks Belia Malaysia (IBM) yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) menjadi parameter dalam mengukur sembilan domain kesejahteraan golongan belia yang mengandungi indikator sukarelawan telah menunjukkan penurunan skor pada tahun 2011 iaitu sebanyak 65.4 peratus berbanding dengan skor 2008 iaitu 67.4 peratus (Wasitah, 2013). Kajian Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2019 yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia menunjukkan di bawah Domain Identiti, indikator sukarelawan masih di tahap sederhana dengan dapatan skor sebanyak 60.93 peratus. Selain itu, penilaian terhadap program kesukarelawan khususnya daripada pihak NGO adalah pada tahap 60 peratus, iaitu dalam kategori memuaskan (JBSN, 2019). Kajian Rokiah dan Lilah (2016) turut menunjukkan tahap penghayatan belia terhadap semangat kesukarelawanan adalah memuaskan dan bagi konstruk perasaan, kajian mereka menunjukkan semangat kesukarelawanan yang masih lagi rapuh.

Dari itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh agensi kerajaan di peringkat persekutuan mahupun negeri, serta NGO untuk menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan. Walaupun banyak program dan aktiviti kesukarelawanan telah dilaksanakan, namun penglibatan golongan belia masih di tahap sederhana dan memuaskan. Jelaslah bahawa kurangnya penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan, menunjukkan kurangnya jati diri kesukarelawanan dalam diri mereka. Memandangkan jati diri kesukarelawanan sangat penting untuk pembentukan sesebuah negarabangsa yang diidamkan, maka kajian ini dirangka khusus untuk memberi fokus utama terhadap faktor luaran yang membentuk dan memupuk jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia Malaysia.

2. Tinjauan Literatur

Kesukarelawanan merujuk kepada perlakuan aktiviti secara sukarela iaitu tiada kontrak, tanggungjawab kekeluargaan atau persahabatan antara sukarelawan dengan golongan yang dibantu,

dilaksanakan untuk manfaat orang lain, masyarakat secara keseluruhan atau organisasi tertentu, tidak dibayar dan dilaksanakan dengan hati yang ikhlas. Menurut Lai et al. (2013), kesukarelawanan adalah manifestasi tingkah laku prososial dan ditakrifkan sebagai perbuatan yang sedia untuk memberi khidmat kepada orang selain daripada saudara terdekat dan dalam konteks yang teratur (Cnaan et al., 1996; Dekker & Halman, 2003; Wilson, 2000). Wilson (2000) telah mendefinisikan aktiviti kesukarelawanan sebagai "*any activity in which time is given freely to benefit another person, group or cause*". Dari itu, aktiviti kesukarelawanan dapat dikaitkan dengan kerja-kerja amal dan kebajikan yang dijalankan oleh seseorang individu atau secara berkumpulan terhadap golongan yang memerlukan bantuan. Ia mewakili sebuah komitmen altruistik terhadap kebajikan masyarakat, sering didorong oleh rasa dan tanggungjawab sosial. Oleh itu, penglibatan mereka dalam aktiviti sukarela biasanya tiada unsur pentingkan diri sendiri kerana khidmat yang diberikan semata-mata untuk kebaikan semua pihak dalam meningkatkan kualiti hidup manusia (Eyler, 1999 & Geiser et al., 2014).

Menurut Roberts (2006), kesukarelawanan lebih kepada penajaman kemahiran, proses sosialisasi dan keseronokan apabila dapat memberikan khidmat pada pihak lain. Bagi Xu dan Ngai (2011), aktiviti kesukarelawan yang sebenar sangat mengembirakan apabila dapat membantu, menyediakan sumbangan dan menghulurkan bantuan kepada seseorang atau pihak lain walaupun tanpa ganjaran berbentuk nyata atau tidak nyata. Menurut Musick dan Wilson (2003) serta Wilson (2000), istilah sukarelawan ditafsirkan sebagai individu atau kelompok individu yang istimewa dari aspek ciri peribadi dan keikhlasan terhadap khidmat sukarela, kerja kemasyarakatan atau usaha kemanusiaan yang diceburi melibatkan pelbagai aktiviti seperti gotong-royong, membantu dan meringankan beban pihak lain.

Aktiviti kesukarelawan sangat penting dalam pembangunan masyarakat kerana sukarelawan boleh menyumbangkan kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan tenaga (Dorsch et.al, 2002) demi untuk kesejahteraan bersama. Tanpa khidmat sukarelawan, banyak aktiviti dalam masyarakat dan pelbagai sektor lain tidak dapat beroperasi dengan lancar (Wu et al., 2009). Sehubungan dengan itu, penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan amat digalakkan bukan sahaja untuk membantu pembangunan dalam masyarakat, meringankan beban mangsa sesuatu bencana malah dapat menggalakkan penglibatan dalam aktiviti yang sihat dan mengelakkan penglibatan belia dalam kancan masalah sosial. Banyak kajian telah mengesahkan bahawa penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan mempunyai kesan positif terhadap pelbagai aspek perkembangan belia seperti perkembangan sosial, kognitif dan psikologi (Kuperminc et al., 2001), pengembangan identiti dan kesedaran politik (Youniss et al., 2001), pengurangan faktor risiko (Allen et al., 1994) dan pengembangan autonomi serta perasaan kekitaan bersama (Allen et al., 1994; McKinney, 2002). Khidmat kesukarelawan juga merupakan peluang untuk pembangunan kemahiran dan kurikulum (Jardim & da Silva, 2018). Altman dan Feighery (2004) mengatakan bahawa penglibatan belia dalam kerja sukarela dapat menjauhkan mereka daripada aktiviti anti sosial dan tingkah laku jenayah serta menjadikan mereka lebih bertanggungjawab menjaga maruah keluarga, masyarakat dan nama baik negara (Ludden, 2011).

Di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, jati diri membawa definisi sebagai sifat atau ciri yang unik dan istimewa daripada segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya yang menjadi teras serta lambang keperibadian seseorang individu dan bangsa. Jati diri juga bermaksud sifat atau ciri unik dan istimewa yang melambangkan keperibadian individu atau negara (Adibah et al., 2019). Daripada itu, asas jati diri merujuk kepada keperibadian atau watak dan ia juga merujuk kepada pengenalan diri. Sabariah Shafiee (2013) mentakrifkan jati diri sebagai sifat, ciri atau nilai-nilai murni peribadi yang kekal dan stabil, tidak akan berubah atau payah untuk berubah. Menurut Ismail Ibrahim (2010b) pula, jati diri bagi rakyat Malaysia merupakan isu yang sangat kompleks memandangkan negara ini

menerima kepelbagaiannya kumpulan etnik, agama, budaya dan bahasa. Penerapan jati diri dalam diri manusia menunjukkan ketahanan diri dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan nilai (Azzurin & Mas Rynna Wati, 2018). Unsur-unsur identiti ini dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Dengan itu, makalah ini mengaplikasikan konsep jati diri kesukeralawanan sebagai sifat, personaliti, keperibadian, watak, karakter dan ciri-ciri unik seseorang individu yang mencurahkan khidmat bakti secara sukarela dalam pelbagai bentuk aktiviti kesukarelawanan.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bertujuan untuk meneroka dan memahami secara mendalam tentang apa yang dikaji. Pendekatan dalam kajian kualitatif iaitu menggunakan ayat-ayat, konsep maklumat dan tidak melibatkan apa-apa bentuk angka (Othman Lebar, 2007; Miles, Huberman & Saldana, 2014). Kajian kualitatif memfokuskan pemahaman, pengalaman, pengetahuan, penemuan serta wawasan dan pandangan informan kajian dalam memberi sumbangan besar kepada pengembangan korpus ilmu dan amalan pendidikan. Kajian kualitatif juga boleh menjelaskan pengalaman dan pengetahuan seseorang secara mendalam dan menyeluruh (Merriam, 2009).

Temubual secara mendalam dijalankan ke atas 10 orang penggerak utama (aktivis) organisasi kesukarelawanan daripada kelima-lima zon yang disasarkan iaitu Zon Timur, Zon Tengah, Zon Utara, Zon Selatan dan Zon Malaysia Timur. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan untuk memilih informan yang merupakan aktivis utama pertubuhan kesukarelawanan. Setiap zon melibatkan seramai dua orang informan khususnya dalam kalangan pemimpin pertubuhan sukarela seperti Presiden atau Pengurus pertubuhan. Penentuan jumlah temubual ini adalah turut bergantung kepada tahap ketepuan data (*saturation level*) yang diperolehi (Guest, Bunce, & Johnson, 2006).

Sebelum menjalankan temu bual, protokol temu bual telah disediakan sebagai panduan supaya pelaksanaan temubual akan lebih terfokus dan terarah. Soalan temu bual dibina secara separa berstruktur supaya penyelidik boleh menambah soalan mengikut kesesuaian dan pada masa yang sama, dapat menjawab persoalan kajian. Protokol temu bual kemudianya disemak dan disahkan oleh pakar dalam bidang tersebut. Semua temu bual bersama informan dirakam dengan menggunakan pita rakaman sebagai bukti dan rekod penyelidik.

emidian, proses transkripsi dibuat bagi rakaman tersebut. Menurut Othman (2014), membuat transkripsi rakaman temu bual sepenuhnya merupakan pengkalan data yang terbaik. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik untuk menjawab persoalan kajian. Holloway dan Todres (2003), dalam Braun dan Clarke (2006) menekankan pendekatan kualitatif adalah sangat pelbagai dan kompleks, serta analisis tematik harus dilihat sebagai satu kaedah asas bagi menganalisis data kualitatif. Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan pola (tema) dalam data (Braun & Clarke, 2006). Empat tema utama telah berjaya dikenal pasti sebagai faktor luaran bagi Pembentukan dan Pemupukan Jati Diri Kesukarelawanan dalam kalangan Belia Malaysia merangkumi faktor persekitaran, faktor pegangan agama, faktor keperluan mendapat pengiktirafan dan ganjaran serta faktor pemahaman.

4. Hasil kajian

Faktor persekitaran

Faktor persekitaran menjadi pengaruh terbesar dalam motivasi kesukarelawan. Menurut Clary dan Synder (1999), faktor persekitaran seperti ahli keluarga, rakan-rakan, jiran tetangga, komuniti setempat dan institusi pendidikan menjadi sumber utama yang mendorong kepada aspek motivasi sukarelawan. Kenyataan tersebut turut dipersetujui oleh beberapa informan dan mereka menyenaraikan secara spesifik pengaruh yang meliputi faktor persekitaran dalam proses pembentukan dan pemupukan jati diri kesukarelawan belia.

Informan A:

“.....faktor kawan-kawan tu sangat betul. Anak-anak kita pun kalau kita nak didik kita tak perlu tegur, kawan kawan ada boleh tegur. Faktor kawan-kawan sangat dominan sebenarnya....”

Informan B:

“....biasanya melalui kenalan sebab pengakap ni salah satu tarikannya adalah persaudaraan, maksudnya melalui kawan.....”

Informan C:

“....di peringkat universiti, ajakan kawan-kawan lah faktor utama....”

Informan D:

“....faktor kawan. Biasalah kalau kita jumpa kawan ni dia ada elemen provokasi, jadi ia mendesak saya untuk saya buktikan itu.....”

Beberapa informan menekankan faktor rakan sebaya yang menjadi dominan kepada penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawan. Dikelilingi rakan-rakan yang sentiasa terlibat aktif dalam aktiviti sukarelawan ini juga secara tidak langsung mendorong mereka untuk turut sama terlibat aktif dalam pelbagai aktiviti sukarelawan berdasarkan minat masing-masing.

Tidak dikecualikan juga, terdapat beberapa informan sependedapat bahawa institusi pendidikan seperti universiti dan sekolah banyak memberi peluang serta ruang untuk terlibat aktif dalam aktiviti sukarelawan.

Informan A:

“....pendidikan informal dalam universiti tu dalam kurikulum ni dia banyak membantu saya laa bila saya menjadi pemimpin kelab kewangan jadinya dia menjadi salah satu faktor lah.....”

Informan B:

“....Okey peringkat awal kita ikut ikut sajalah. Biasanya di sekolah ni kawan-kawan ajak ustaz-ustaz ajak bisanya start dengan program-program yang asas je lah...”

Selain itu, sukarelawan belia menyatakan mereka memperolehi sumber maklumat mengenai program atau aktiviti kerja sukarela daripada badan komuniti. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Shapie et al., (2017) yang mendapat peranan pemimpin tempatan adalah amat penting dalam menggalakkan penglibatan golongan belia menjayakan aktiviti pembangunan komuniti. Media massa dan internet turut menjadi faktor penarik belia untuk terlibat dengan kerja sukarela. Menurut Ibrahim (2017) peranan media sosial seperti *Facebook* telah menjadi rujukan penting kerana memaparkan maklumat lengkap mengenai sesuatu program sukarela seperti lokasi, tarikh, peserta, aktiviti yang akan dijalankan serta masa yang tercatat dengan jelas. Clary dan Synder (1999) yang mana dalam kajian mereka menyatakan bahawa faktor persekitaran menjadi pengaruh terbesar dalam motivasi sukarelawan.

Faktor dorongan agama

Individu yang aktif melibatkan diri dalam organisasi keagamaan serta mempunyai pegangan agama yang kuat dikatakan mempunyai nilai diri yang positif, sentiasa memberi keutamaan untuk membantu orang lain serta mudah merasa belas kasihan terhadap kesusahan orang lain (Rokach et al., 2009). Justeru, agama juga didapati menjadi faktor pemangkin kepada pembentukan jati diri kesukarelawan belia. Ini kerana agama mengajar penganutnya melakukan kebaikan dan sentiasa berbuat baik kepada orang lain.

Informan C:

“...faktor agama adalah faktor utama bagaimana kita diajar dalam Islam sehingga kita sentiasa berakhhlak mulia dan berbakti kepada orang lain terutama ibu bapa dan masyarakat kita. Dan juga Hadis Nabi bersabda bahawa sebaik-baik manusia ialah yang memberi manfaat kepada orang lain.”

Informan D:

“... kita kena fikir kerja sukarela ini adalah satu ibadah... Jadikan ia satu bentuk beribadat di mana apabila kita melakukannya, kita mahukan kebaikan untuk orang yang ditolong dan untuk diri kita sendiri...”

Oleh kerana ajaran agama adalah baik, bahkan menjadi satu bentuk ibadat, jadi dua informan ini bersetuju bahawa ajaran agama boleh memainkan peranan penting dalam pemupukan semangat kesukarelawan dalam kalangan belia. Mengikut ajaran Islam, setiap individu perlu melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela (dengan syarat tidak menunjuk-nunjuk) bagi mendapatkan keredhaan daripada Tuhan (Ali Ibn Muhammad et al., 2009) sebaliknya berpandukan kepada ajaran Bodhisattva, penganut Buddha percaya bahawa kehidupan ini akan menjadi lebih bermakna sekiranya melibatkan diri dalam perlakuan yang baik terutamanya dengan menghulurkan bantuan kepada individu lain yang berada dalam kesengsaraan (Einolf & Chambre, 2011). Oleh yang demikian, adalah digalakkan bagi setiap individu untuk terlibat dengan perlakuan yang baik bagi meningkatkan pahala dalam kehidupan mereka (Radhakrishnan, 2012). Rokach et al., (2009) mendapat bahawa kebanyakannya daripada individu yang menjadi sukarelawan pada usia muda mempunyai ibu atau bapa yang terlibat secara aktif dalam kerja-kerja amal serta mempunyai pegangan agama yang kuat. Selain itu, individu yang mempunyai nilai “charity” yang tinggi didapati lebih bersedia untuk menjadi sukarelawan

berbanding dengan individu yang memberi keutamaan terhadap nilai kewangan semata-mata (Hyde & Knowles, 2013).

Asal usul kesukarelawan di setiap negara adalah tidak jauh beza di mana sikap kesukarelawan pada awalnya disebabkan tanggungjawab dalam diri setiap individu terhadap agama dan perasaan ingin menolong masyarakat yang sangat tinggi (Mardhiyah, 2013; Azizan, 2016). Pengaruh agama tidak boleh dipandang enteng. Islam, sebagai agama utama di Malaysia, sangat menekankan kebaikan, belas kasihan, dan sifat tolong-menolong kepada saudara yang memerlukan. Mengintegrasikan ajaran ini ke dalam program pendidikan belia dan komuniti boleh mengukuhkan keharusan moral kesukarelawan. Pemimpin agama dan institusi boleh juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan kesukarelawan sebagai kewajipan agama, dengan menggalakkan lebih ramai belia untuk mengambil bahagian secara aktif. Rokach et al. (2009) berpendapat bahawa individu yang aktif dalam keagamaan atau mempunyai pegangan agama yang kuat dikatakan mempunyai sikap yang lebih positif, sentiasa memberi keutamaan untuk membantu orang lain serta mudah berasa belas kasihan terhadap kesusahan orang lain.

Faktor keperluan mendapat pengiktirafan dan ganjaran

Setiap individu yang bekerja akan menerima ganjaran dalam bentuk gaji, sebaliknya sukarelawan mendapat ganjaran dan penghargaan daripada orang awam berdasarkan kepada pertolongan yang dihulurkan oleh mereka (Chacon et al., 2011). Secara amnya, pengiktirafan dan penghargaan yang diterima selepas melakukan sesuatu kerja dapat meningkatkan perasaan puas hati dalam diri individu, menyuntik semangat dan membakar motivasi diri sukarelawan.

Informan A:

“...kepuasan hati. Saya tidak tahu tentang orang lain, tetapi bagi saya apabila saya menyertainya kerja sukarela, saya berasa puas dan saya mahu melakukannya lagi dan berasa puas lagi.”

Elemen seterusnya ialah penghargaan. Penghargaan yang diberikan dalam bentuk hadiah, pujian atau wang sudah pasti akan mendorong dan menggalakkan mereka terlibat dengan lebih aktif dalam kerja-kerja sukrela.

Ini digambarkan melalui kenyataan Informan A dan B:

“Seterusnya pengiktirafan, memang Kementerian Belia dan Sukan memegang Negeri dan Anugerah Perdana Belia Negara (APN) setiap tahun. Tiga kategori dipertandingkan: pertubuhan lelaki, wanita dan belia. Generasi muda hari ini mahu menjadi dihargai. Saya sentiasa memuji sukarelawan organisasi saya secara berlebihan untuk semua mereka usaha..”

“...mereka pun mengharapkan token. Biasanya kalau kawasan tu jauh, mesti ada token. RM50 hingga RM100 untuk mereka mengisi minyak kereta dan makanan.”

Dalam konteks kesukarelawan, Sharifafar (2011) menjelaskan bahawa sukarelawan akan mendapat kepuasan diri yang maksimum setelah selesai membantu individu yang memerlukan bantuan. Oleh yang demikian, pengiktirafan dan ganjaran yang diterima oleh sukarelawan dapat menjamin kesetiaan mereka terhadap sesuatu persatuan atau organisasi agar terus berbakti kepada anggota masyarakat untuk suatu jangka masa yang panjang. Chacon et al. (2011) mendapati bahawa terdapat empat

komponen utama yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawan iaitu; (i) ganjaran luar jangkaan; (ii) penyeliaan yang fleksibel; (iii) prosedur kerja yang mudah; dan (iv) jaringan komunikasi yang luas. Sukarelawan akan menjadi lebih bersemangat untuk berkhidmat kepada ahli komuniti sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka menerima penghargaan dan ganjaran yang sepatutnya (pujian) daripada orang awam (komponen ganjaran luar jangkaan) (Gage & Thapa, 2015).

Faktor pemahaman

Dimensi motif pemahaman merupakan proses pembelajaran jangka panjang dan menjadi faktor individu melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan (Tajul Arifin, 2013 & Yoshioka et al., 2007). Hal ini jelas membuktikan bahawa kebanyakan sukarelawan melibatkan diri kerana ingin mempelajari sesuatu serta sikap yang wujud dalam diri mereka. Sukarelawan ingin memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam terhadap kemahiran dan juga apa keperluan semasa. Justeru itu, faktor sukarelawan belia terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan adalah untuk membina personaliti diri. Sukarelawan ingin memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam terhadap kemahiran dan juga keperluan semasa. Faktor pemahaman yang dinyatakan dalam VFI boleh didefinisikan sebagai tindakan sukarelawan untuk mengetahui tentang kemahiran dan keperluan (Aishah Nadirah & Tajul, 2013). Oleh itu, sebagai seorang sukarelawan yang dipengaruhi oleh faktor pemahaman, sukarelawan perlu sentiasa berusaha untuk meneroka kekuatan mereka sendiri dan mengembangkan pemahaman diri dengan mencari jawapan terhadap segala persoalan dan tindakan yang dilakukan.

Informan A:

“.....dari segi pembentukan diri. Macam tadilah saya cakap, IKRAM ni dia ada usrah yang mana kita akan sentiasa diperangatkan.....”

Informan A menjelaskan bahawa, melalui usrah sukarelawan belia ini boleh membina personaliti diri mereka. Seperti yang diketahui, melalui usrah ini juga boleh meningkatkan kemahiran berkomunikasi kerana mereka akan dilatih untuk bercakap di hadapan khalayak untuk memberi sesuatu perkongsian. Shulman (1999), Samir dan Sara Sakilla (2012) menyatakan bahawa kemahiran adalah sesuatu perkara yang penting dalam membantu individu lain mencapai matlamat yang diingini. Kemahiran diri sangat penting dalam pembangunan sahsiah diri seseorang kerana ianya dapat memupuk nilai-nilai positif seperti kepimpinan, kemahiran berkomunikasi dan kerjasama berpasukan dalam diri seseorang belia. Secara ringkasnya, kemahiran yang diperolehi bukan sahaja dapat digunakan pada masa sekarang, bahkan ianya juga dapat dibawa dan diperlakukan pada masa hadapan kelak. Aktiviti kesukarelawan sedikit sebanyak telah melahirkan ramai belia yang berkemahiran tinggi dalam aspek sosial.

Informan B pula menambah bahawa faktor mereka melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan adalah kerana pemikiran menjadi lebih bersifat terbuka. Ini merujuk kepada perubahan sikap, pandangan dan penerimaan terhadap pelbagai aspek kehidupan melalui pengalaman kesukarelawanan. Melalui kesukarelawanan, individu dapat memahami dan menghargai perspektif yang berbeza mengenai kehidupan dan cabaran yang dihadapi oleh orang lain. Ini membantu dalam membentuk pemikiran yang lebih inklusif dan empatik. Selain itu, aktiviti kesukarelawanan sering melibatkan situasi yang belum pernah dialami sebelum ini. Bagi menghadapi dan menyesuaikan diri dengan situasi-situasi ini membantu individu mengembangkan fleksibiliti mental dan keupayaan untuk melihat masalah dari pelbagai sudut. Informan B berkata:

“..... dia macam otak terbuka laa sikit. Bila kita duduk di tempat kita, kita duk berhadapan dengan kita sahaja dan kita tidak tahu apa yang berlaku. Tapi apabila kita pergi ke mana-mana tempat, kita rasa otak kita tu menjadi lebih terbuka. Kita boleh menilai keadaan manusia, kita boleh lihat kehidupan masyarakat, sebab apa mereka menjadi begini. Jadi otak kita pun berkembang dan kita pun boleh mendapat idea-idea baharu.”

Faktor lain juga adalah untuk membina jaringan sosial. Informan C:

“....dari segi jaringan lah. Itu sangat penting. Saya banyak berhubung apabila terlibat dengan gabungan-gabungan agensi yang lain. Jadi dari situ juga, kita lebih senang dari segi mengakses kepada program.”

Informan D:

“.....saya suka bertemu dengan orang membina jaringan baru. Saya suka berubah-ubah. Minggu ni saya jumpa orang lain, minggu depan saya jumpa orang lain.”

Justeru sukarelawan sentiasa meningkatkan dan membangunkan psikologi diri melalui aktiviti sukarelawan, membina jaringan sosial dan rangkaian baharu. Aktiviti kesukarelawanan biasanya melibatkan kerja dan khidmat dalam kumpulan atau berkolaborasi dengan organisasi lain. Ini memberikan peluang untuk bertemu dan berinteraksi dengan individu dari pelbagai latar belakang, sekaligus memperluaskan jaringan dan rangkaian sosial. Dalam pada itu, hubungan yang dibina melalui kesukarelawanan sering kali lebih kukuh kerana ia berasaskan nilai dan tujuan bersama. Sukarelawan membina hubungan yang positif dan menyokong antara satu sama lain, yang boleh membawa kepada persahabatan yang berpanjangan. Pengalaman dalam bekerja dengan pelbagai individu dan kumpulan dalam aktiviti kesukarelawanan turut membantu meningkatkan keterampilan komunikasi dan keupayaan untuk bekerja dalam pasukan. Kemahiran ini sangat berharga dalam konteks peribadi dan profesional.

5. Rumusan

Berdasarkan hasil kajian, terbukti bahawa bagi membentuk dan memupuk jati diri kesukarelawanan dalam kalangan belia, ia memerlukan pendekatan faktor luaran iaitu faktor persekitaran, faktor pegangan agama, faktor keperluan mendapat pengiktirafan dan ganjaran, serta faktor pemahaman. Faktor tersebut mempengaruhi mereka untuk melibatkan diri dalam khidmat masyarakat dan menyumbang secara positif kepada masyarakat. Pembentukan jati diri kesukarelawanan belia ini adalah merupakan satu manifestasi yang menentukan penglibatan belia dalam kerja-kerja amal dan berkhidmat kepada masyarakat. Belia yang mempunyai pengaruh persekitaran seperti rakan sebaya, keluarga, media, ikon pempengaruh dan institusi pendidikan lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Oleh sebab itu, sukarelawan yang mempunyai faktor motivasi yang kuat akan melibatkan diri secara berterusan dalam aktiviti sukarela berbanding dengan golongan sukarelawan yang hanya melibatkan diri dalam aktiviti sukarela secara sekali-sekala. Sebahagian besar sukarelawan belia di Malaysia menyatakan mereka terlibat dengan aktiviti sukarela atas faktor persekitaran iaitu melalui institusi pendidikan yakni semenjak di bangku sekolah. Dapatan ini secara jelas menunjukkan dasar kerajaan untuk menyemai semangat kesukarelawanan semasa di usia remaja telah dibuktikan sehingga ke peringkat belia.

Faktor dorongan agama dalam aktiviti kesukarelawan adalah sangat signifikan. Ajaran moral dan etika, janji pahala dan ganjaran akhirat, tanggungjawab sosial dan keadilan, contoh teladan dari tokoh agama, serta komuniti dan solidariti agama semuanya berperanan dalam memotivasi individu untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan. Melalui nilai-nilai agama, individu didorong untuk berbuat baik, membantu sesama insan dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, sekaligus memperkasa peranan agama dalam membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan bertanggungjawab. Dengan dorongan ini, aktiviti kesukarelawan bukan sahaja memperkasa peranan individu dalam masyarakat, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih inklusif, harmoni dan sejahtera. Dorongan agama dengan nilai-nilainya yang universal, berjaya menanam semangat kesukarelawan yang tinggi dalam kalangan pengikutnya, menjadikan mereka agen perubahan positif dalam masyarakat.

Pengiktirafan usaha sukarelawan melalui anugerah, sijil dan bentuk penghargaan lain boleh mengukuhkan komitmen mereka dan memberi inspirasi kepada orang lain untuk menyertai aktiviti kesukarelawan. Dengan demikian, sukarelawan akan menjadi lebih bersemangat untuk berkhidmat kepada ahli komuniti sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka menerima penghargaan dan ganjaran yang sepatutnya (pujian) daripada orang awam. Pengiktirafan dan ganjaran, berfungsi sebagai peneguhan positif, mengiktiraf usaha sukarelawan dan menggalakkan penglibatan berterusan daripada mereka. Melaksanakan sistem ganjaran berstruktur dalam program sukarelawan boleh meningkatkan motivasi dan mengekalkan penyertaan jangka panjang.

Di samping itu, motivasi utama belia untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan adalah untuk membina dan memperkasa personaliti diri mereka. Aktiviti kesukarelawan memberikan peluang kepada belia untuk mempelajari kemahiran baharu, memahami keperluan semasa dan mengembangkan sikap yang positif. Melalui pengalaman kesukarelawan, belia bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran praktikal mereka tetapi juga membina keyakinan diri, empati dan tanggungjawab sosial. Faktor-faktor ini, digabungkan dengan dorongan untuk berbuat baik dan memberi sumbangan kepada masyarakat, menjadikan kesukarelawan sebagai platform yang penting bagi pembentukan jati diri dan perkembangan peribadi belia. Ini membuktikan bahawa kesukarelawan memainkan peranan yang kritikal dalam memupuk generasi muda yang lebih berdaya saing, berintegriti dan berwawasan, yang seterusnya menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih harmoni dan progresif.

Sebagai rumusannya, memupuk jati diri kesukarelawan di kalangan belia Malaysia memerlukan pendekatan holistik khususnya dari aspek faktor luaran yang meliputi pengaruh persekitaran, dorongan agama, keperluan mendapatkan pengiktirafan dan ganjaran, serta faktor pemahaman. Dengan mewujudkan persekitaran yang memupuk elemen ini, Malaysia boleh memperkasakan belianya untuk mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan komuniti, menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan akhirnya membentuk negara yang lebih penyayang dan harmoni untuk generasi akan datang.

6. Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana menaja penyelidikan ini melalui *The Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* dengan tajuk spesifik Pembentukan Model Jati Diri Sukarelawan Belia Malaysia (FRGS/1/2021/SS0/UPM/02/6).

7. Rujukan

- Allen, J.P., Kuperminc, G., Philliber, S. & Herre, K. 1994. *Programmatic prevention of adolescent problem behaviors: The role of autonomy, relatedness, and volunteer service in the Teen Outreach Program*. American Journal of Community Psychology 22(5): 617-638.
- Azizan Bahari. 2003. *Menghayati Kerja Sukarela*. Petaling Jaya: Qarya Sdn Bhd.
- Bezruchka, S. 2000. *Medical Tourism as Medical Harm to the Third World: Why? for Whom? Wilderness and Environmental Medicine*, 11, 77-78.
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). *The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations*. Current Directions in Psychological Science, 8(5), 156–159. <https://doi.org/10.1111/1467-8721.00037>
- Clary, E. G., dan Snyder, M. 1999. *The Motivations to Volunteer: Theoretical and Practical Considerations*. Current Directions in Psychological Science, 8, 156-159.
- Dorsch, K.D., Riemer, H.A., Sluth, V., Paskevich, D.M. & Chelladurai, P. 2002. *What Affects a Volunteer's Commitment?* Canadian Centre for Philanthropy, Toronto.
- Eyler. J. 1999. *Where's the Learning in Service-Learning?* Jossey-Bass, San Francisco.
- Geiser, C. H., Okun, M. A., Grano, C. 2014. *Who is Motivated to Volunteer? A Latent Profile Analysis Linking Volunteer Motivation to Frequency of Volunteering*. Psychological Test and Assessment Modeling, 56(1): 3-24.
- Ibrahim, M. Y. (2017). *The influence of communication practices on youth's participation in volunteerism*. GeografiaMalaysian journal of society and space, 13(4).
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2019. *Fact & Figures Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia*. Putrajaya: IYRES.
- Ismail Ibrahim. 2010a. *Gagasan 1Malaysia, Peradaban dan Identiti Bangsa: Pendekatan Hadhari*. Bangi: Institut Islam Hadhari UKM.
- Ismail Ibrahim. 2010b. *1Malaysia: pembentukan jati diri kebangsaan*. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari (hlm. 3-20). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jardim, C. & da Silva, S. M. 2018. *Young People Engaging in Volunteering: Questioning a Generational Trend in an Individualized Society*. Societies 8 (8): 1-11.
- Kuperminc, G.P., Holditch, P.T., & Allen, J.P. 2001. *Volunteering and community service in adolescence*. Adolescent Medicine: State of Art Reviews, 12: 445-457.
- McKinney, K.G. 2002. *Engagement in community service among college students: Is it affected by significant attachment relationships?* Journal of Adolescence, 25: 139-154.
- Musick, M., dan Wilson, J. 2003. *Volunteering and Depression: The Role of Psychological and Social Resources in Different Age Groups*. Social Science and Medicine, 56(2), 259-269.
- Nur Raihan Che Nawi dan Azizan Asmuni. 2013. *Motivasi Sukarelawan Terhadap Penglibatan Dalam Kerja Sukarela di Yayasan Salam Malaysia*. Dalam Prosiding Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREduc 2013). Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Oesterle, S., Johnson, M. K. dan Mortimer, J. T. 2004. *Volunteerism during the Transition to Adulthood: A Life Course Perspective*. Social Forces, Vol. 82, No. 3 (Mar., 2004), 1123-1149.
- Roberts, M. 2006. *Duffle bag Medicine*. Journal of the American Medical Association, 295, 1491-1492.
- Sabaryah @ Sabariah Binti Shafiee. 2013. (PDF) *Bahasa & Jati Diri: Pembentukan Jati Diri Bangsa Malaysia Melalui Bahasa Melayu*. https://www.academia.edu/6414049/Pembentukan_Jati_Diri_Bangsa_Malaysia_Melalui_Bahasa_Melayu

- Saifuddin Abdullah. 2001. *Gerakan Kesukarelaan Menjana Perubahan Bermakna*. Kuala Lumpur: Majlis Belia Malaysia, Yayasan Salam Malaysia & Akademi Belia.
- Shapie, F., Zubir, H., Saifuddin, S., Baharim, S., Baharim, S., & Saad, S. (2017). *Peranan pemimpin pendapat dalam menggalakkan penglibatan belia menjayakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di kampung Hulu Chuchoh, Sepang*. e-Bangi, 14(6).
- Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin, (2013). *Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi terhadap Tahap Kepuasan Diri*, Jurnal Pendidikan Malaysia 38(2) (2013): 51-59
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. 2016. *Belia dan Program Kesukarelawan di Malaysia: Satu Kajian Empirikal*. Geografia Malaysian Journal of Society and Space, 12 (10): 183 – 194.
- Wasitah Mohd Yusof. 2013. *Kesukarelaan*. Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Edisi Pertama 2013. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan.
- Wu J., Lo T.W., dan Liu E.S.C. 2009. *Psychometric Properties of the Volunteer Functions Inventory with Chinese Students*. Journal of Community Psychology, 37(6), 769-780.
- Xu, Y. & Ngai, N. P. 2011. *Moral Resources and Political Capital: Theorizing the Relationship between Voluntary Service Organizations and the Development of Civil Society in China*. Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly, 40(2), 247–269.
- Yoshioka, C., Brown, W.A. & Ashcraft, R. 2007. *A Functional Approach to Senior Volunteer and Non-volunteer Motivations*. International Journal of Volunteer Administration, 24: 31-43.
- Youniss, J., McLellan, J.A., & Mazer, B. 2001. *Voluntary service, peer group orientation and civic engagement*. Journal of Adolescent Research, 16: 456-468.